

SPPS juara Kejohanan Liga Futsal Wanita UMS

KOTA KINABALU: Kejohanan Liga Sukan Futsal Wanita Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2013 menyaksikan kemantapan pasukan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) apabila berjaya menundukkan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) dengan jaringan 2-0.

Pada perlawanan sengit yang menghadirkan aksi mendebarkan itu menyaksikan gol kemenangan dihasilkan oleh Ruthline Juinis dan Rozaliah Paulus melalui aksi yang hampir serupa apabila menyempurnakan

hantaran dengan merembat masuk bola ke gawang lawan sekaligus mengangkat nama pasukan mereka mengekalkan kejuaraan pada kejohanan sebelum ini.

Terdahulu, SPPS berjaya menyingkirkan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) dan Sekolah Perubatan (SPU) pada saringan peringkat kumpulan B.

SPPS kemudiannya mara ke pusingan separuh akhir menentang Sekolah Perniagaan Ekonomi (SPE) dan berjaya menumpaskan pasukan tersebut dengan jaringan

1-0. DE 14-6-2013 12

Menurut ketua pasukan SPPS Denna Chen Meling, beliau berbangga dengan pencapaian yang ditonjolkan oleh pasukannya apabila mampu menjuarai pertandingan seumpama itu pada setiap kali penganjuran.

Tambahnya, pasukan yang dibimbing oleh pensyarah Sains Sukan, Dr. Mohamad Nizam itu layak menjuarai kejohanan tersebut kerana kerjasama dan komitmen padu yang ditunjukkan rakan sepasukan di samping mengutamakan kecergasan.



CUBAAN penjaga gol SPPS menampun bola semasa sepakan penalti.